| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Di Sana Sini | | |
| Date | 26. Jun 2008 | Language | MALAY |
| Media Title | Berita Harian | Page No | B15 |
| Section | Hip | Article Size | 256 cm2 |
| Circulation | 217920 | Frequency | Daily |
| Readership | 2083000 | Color | Full Color |





# Di Sana Sini

Oleh Unit Sastera

## BENGKEL Menulis buku

BENGKEL Menulis Buku-buku Panduan Memulakan Pelbagai Jenis Bisnes Murah dan Mudah akan diadakan di Sekolah Al-Ikhlas, Taman Permata, Kuala Lumpur, pada 28 Jun, jam 2 petang dan penyertaan percuma manakala maklumat lanjut hubungi Aizat Abdul Razak di talian 016 -661 2017 atau e-mel di aizat@pts.com.my.

## KARNIVAL Pantai Timur

KARNIVAL Pantai Timur akan diadakan di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, pada 14 hingga 19 Julai ini dan orang ramai dipelawa hadir.

Pengunjung berpeluang menyaksikan gerai pameran dan persembahan kesenian di samping menyertai pertandingan manakala maklumat lanjut hubungi Wan Hazelinda Mohamed di talian 03-89467528; Abd Ghani Ahmad (03-89467527), atau e-mel hazelinda@putra.upm.edu.my.

## MESYUARAT Penulis Kelantan

MESYUARAT Agung Tahunan Persatuan Penulis Kelantan (PPK) akan diadakan di Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (PPAK), Kota Bharu, pada 28 Jun ini, jam 9 pagi dan semua ahli diminta hadir.

## MALAM Baca Puisi

MALAM Baca Puisi Pena akan diadakan di Rumah Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Pena), Jalan Dewan Bahasa, Kuala Lumpur, pada 11 Julai ini, jam 8.30 malam dan peminat sastera tanah air dipelawa hadir.

Penyair undangan ialah bekas Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Datuk A Aziz Deraman; Penerima Anugerah Penulisan Sea 2004, Dr Zurinah Hassan; Pensyarah Universiti Teknologi Mara (UiTM), Solihin Osman dan penyair bekas kumpulan Anak Alam, Mustaffa Ibrahim.

## TAYANGAN Empat filem

TAYANGAN Filem Pendek dan Sesi Bicara Filem, Skrin dan Kata akan diadakan di Rumah Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Pena), Jalan Dewan Bahasa, Kuala Lumpur, pada 27 Jun ini, jam 8 malam.

Empat filem pendek yang ditayangkan pada program anjuran Pena ialah *Tenggiri* arahan KC Jaja; *Konsekuensi* (Razaisham); *Di Sebalik* (Asri Hassan) dan *Mengait Bintang* (Dean Sham) manakala maklumat lanjut hubungi SM Zakir di talian 03-21425824.

## PROGRAM Merakyat Seni

PROGRAM Merakyatkan Seni Budaya Parit 2008 akan diadakan di Padang Sekolah Menengah Kebangsaan Layang - Layang kiri, Parit, Perak pada 28 Jun ini, jam 8 pagi manakala maklumat lanjut hubungi talian 012-6765685 atau layari prteam_kekkwaprk@yahoo.com.

## PEMENTASAN Teater

PEMENTASAN Teater *Sybil* karya The Actors Studio akan diadakan di Auditorium Taman Budaya Negeri Perak, pada 25 hingga 27 Jun ini, jam 8.30 malam dan tiket berharga RM40 bagi dewasa dan RM20 (pelajar) manakala maklumat lanjut hubungi 012-6765685 atau layari prteam_kekkwaprk@yahoo.com.

## PERTANDINGAN Deklamasi puisi

PERTANDINGAN Deklamasi Puisi Anti-Rasuah UKM 2008 akan diadakan di Panggung Seni, Dewan Canselor Tun Abdul Razak (Dectar), Universiti Kebangsaan Malaysia, pada 26 Julai ini, jam 8 malam manakala maklumat lanjut hubungi Mohamad Diani Kasian di talian 03-89215240.

## GALERI Petronas

AKTIVITI Galeri Petronas seperti pameran lukisan, mural dan bengkel melukis menggunakan arang di Galeri Utama Petronas, Menara KLCC, berlangsung sehingga 20 Ogos ini dan dibuka pada jam 10 pagi setiap hari manakala maklumat lanjut hubungi Khairil Nizam Nadzari di talian 03-23317920.